

# PETIKAN TITAH



Tema sambutan Hari Guru pada tahun ini "Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan". Tema ini terus memfokus kepada guru selaku tonggak dan agen perubahan. Transformasi pendidikan bukan terhad kepada teknologi dan infrastruktur canggih semata-mata, tetapi juga bersifat yang lebih besar dari itu. Ini termasuk aspek kesejahteraan untuk semua.

Kerajaan Beta insya Allah akan terus komited menyediakan peluang-peluang pembelajaran di dalam dan luar negeri, melalui pelbagai biasiswa yang ditawarkan. Dan sehubungan dengan itu, Beta menyarankan supaya pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan memperkemaskan lagi dasar biasiswa kerajaan dengan membuka peluang lebih luas demi kepentingan pembangunan sumber tenaga manusia. Ini selaras dengan tujuan memantapkan tenaga kerja yang berkualiti.

Dalam suasana pembelajaran menjurus kepada ekspektasi baharu, maka kesejahteraan para guru pemacu utama perubahan mestilah terus diajaq. Aspek ini penting kerana ia mempengaruhi kerjaya para guru.

Bagi memastikan kesejahteraan guru-guru kita dipeduli, maka Beta dengan semangat penuh simpati memperkenankan bagi para guru di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk diberikan Cuti Ihsan semasa sesi penggal persekolahan mengikut garis panduan dan syarat yang ditetapkan yang akan berkuatkuasa pada 01 Januari 2025, Beta berharap, Ihsan ini hendaklah akan dapat meningkatkan lagi prestasi dan motivasi para guru.

TITAH

# **KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Sempena Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-34, Tahun 2024**



## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

### **Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

### **Pengerusi:**

Yang Mulia Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini  
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

### **Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

### **Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### **Penyunting**

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

# MAJLIS PERASMIAN SIDING KE-28 MASTERA, SEMINAR AN-TARABANGSA KESUSASTERAAN ASIA TENGGARA (SAKAT), FESTIVAL TEATER MASTERA (APRESIASI NASKHAH DRAMA) DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH SASTERA MASTERA KE-7, 2024



**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Rabiulawal 1446 / 1 Oktober 2024** - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Sekretariat Mastera Brunei Darussalam pada tahun ini menjadi tuan rumah bagi mengendalikan Sidang Ke-28 Mastera dan Rangkaian Kegiatan Mastera, 2024.

Majlis Perasmian Sidang Ke-28 Mastera, Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT), Festival Teater Mastera (Apresiasi Naskhah Drama) dan penyampaian Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024 diadakan pada 1 Oktober 2024, bertempat di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis bagi menyempurnakan perasmian majlis, pelancaran buku-buku baharu terbitan DBP dan menyampaikan pengiktirafan Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024 ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

# MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS 2024 DAN MUSABAQAH TILAWATIL AL-QURAN PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS 1446/2024



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Rabiulawal 1446 / 2 Oktober 2024 -**  
Bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) telah mengadakan Majlis Doa Kesukuran dan Penyampaian Hadiah bagi Musabaqah Tilawah Al-Quran Pusat Kegiatan Warga Emas seluruh daerah. Majlis diadakan di Dewan Auditorium Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Johan Qari dan Qariah ialah Yang Mulia Haji Saifuzaman bin Haji Apong dan Yang Mulia Hajah Alimah binti Haji Matassan. Naib Johan Qari dan Qariah pula disandang oleh Yang Mulia Emran bin Nasir dan Yang Mulia Hajah Dayang binti Jais. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Yang Mulia Haji Bakar bin Burut dan Yang Mulia Hajah Kamsinah binti Gulam Mohammad.

# HARI SUKAN ASEAN 2024



**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Rabiulakhir 1446 / 6 October 2024—** Sempena Sambutan Hari ASEAN Ke-57 tahun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) dan Kedutaan-Kedutaan Besar serta Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara-Negara ASEAN telah menganjurkan Hari Sukan ASEAN 2024 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Antara aktiviti yang turut diketengahkan pada Hari Sukan ASEAN berkenaan ialah perlawan bola jaring, perlawan futsal, pameran dan pertunjukan permainan serta makanan tradisi negara-negara ASEAN.

## Sambungan Muka Surat 6



# PERSEMBAHAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-40 HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA REPUBLIK KOREA DAN BRUNEI DARUSSALAM



PERSEMBAHAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-40 HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA REPUBLIK KOREA DAN BRUNEI DARUSSALAM  
Ahad, 6 Oktober 2024 di Pusat Seni Sekolah Antarabangsa Jerudong



www.kkbs.gov.bn @\_kkbs\_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @\_kkbs\_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Rabiulakhir 1446 / 6 Oktober 2024** - Kedutaan Besar Republik Korea di Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Persembahan Sambutan Ulang Tahun ke-40 Hubungan Diplomatik antara Republik Korea dan Brunei Darussalam di Pusat Seni Sekolah Antarabangsa Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan persembahan ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut dihadiri oleh Tuan Sun Nahm-Kook, Bakal Duta (Ambassador-Designate) Republik Korea Ke Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara berkenaan menyaksikan persembahan dari Kumpulan K-pop Jaurim dan juga persembahan-persembahan dari Kumpulan Goblin Party, Gamblerz Crew & Brunei Korean Culture Club.



## KUNJUNGAN HORMAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Rabiulakhir 1446 / 7 Oktober 2024- Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Puan Yang Terutama Eve Lubin, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan).



# PAMERAN FOTO DIRAJA MALAYSIA DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Rabiulakhir 1446 / 7 Oktober 2024-** Dalam menyambut Ulang Tahun ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Malaysia telah mengadakan Pameran Foto Diraja Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Majlis Perasmian bagi pameran tersebut diadakan di Galeri Seni, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis ini dan sekali gus merasmikan pameran ialah Yang Mulia Pengiran Norhashimah binti Pengiran Mohd Hassan, Setiausaha Tetap (Politik dan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.



Pameran dibuka untuk kunjungan orang ramai bermula 7 Oktober 2024 sehingga 7 November 2024 setiap Hari Sabtu sehingga Hari Khamis, 9.00 pagi hingga 5.00 petang.



# SESI DIALOG DAN LAWATAN KERJA AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA BERSAMA JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT



## BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Rabiulakhir 1446 / 8 Oktober 2024 -

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima rombongan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi sesi dialog dan lawatan kerja bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat.



Sesi dialog dan lawatan kerja bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Sesi dialog dan lawatan kerja bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat dimulakan dengan lawatan dan penerangan dari beberapa bahagian di jabatan berkenaan iaitu Bahagian Bantuan Kebajikan Am; Pusat Panggilan dan Bahagian Warga Emas dan Pencen-Pencen.




## SESI DIALOG DAN LAWATAN KERJA AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA BERSAMA JABATAN BELIA DAN SUKAN



**BERAKAS, Selasa, 4 Rabiulakhir 1446 / 8 Oktober 2024 -**  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima rombongan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi sesi dialog dan lawatan kerja bersama Jabatan Belia dan Sukan.

Sesi dialog dan lawatan kerja bersama Jabatan Belia dan Sukan diadakan di Dewan Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Sesi Dialog bersama Jabatan Belia dan Sukan dimulakan dengan lawatan dan penerangan beberapa bahagian iaitu Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sains Sukan, Hab Belia dan Galeri Sukan.



# **PERTANDINGAN PIDATO SEJARAH PIALA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KALI KE-4, TAHUN 2024 (PERINGKAT AKHIR)**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Rabiulakhir 1446 / 9 Oktober 2024** – Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menganjurkan Pertandingan Pidato Sejarah Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Kali Ke-4, Tahun 2024. Tema pertandingan pada tahun ini ialah “Sejarah Pemangkin Kemajuan Negara”.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Muncul Johan Keseluruhan ialah daripada kategori A, Yang Mulia Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Shuib dari Universiti Teknologi Brunei (UTB). Beliau sekali gus membawa pulang piala pusingan Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Pertandingan Pidato Sejarah anjuran Pusat Sejarah Brunei.

Manakala Johan bagi kategori B disandang oleh Yang Mulia Dk. Nurul Farah binti Pg. Noor Rumaizi dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar. Para pemenang menerima hadiah wang tunai tajaan BIBD, piala iringan, sijil penyertaan dan hadiah-hadiah tajaan.

## MAJLIS KONVOKESYEN PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA SESI JANUARI 2021 DAN JULAI 2021



**TANAH JAMBU, Khamis, 6 Rabiulakhir 1446 / 10 Oktober 2024** – Seramai 194 orang pelatih menerima sijil mereka pada hari ini setelah berjaya menamatkan kursus di bawah Program Pembangunan Belia yang mana terdiri daripada pelatih Program Pembangunan Belia sesi Januari 2021 dan pelatih Program Pembangunan Belia sesi Julai 2021.

Majlis Konvokesyen Program Pembangunan Belia 2024 yang berlangsung di PPB di sini telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Para penerima sijil Program Pembangunan Belia Sesi Januari 2021 dan Sesi Julai 2021 ini terdiri daripada mereka yang telah mengikuti Kursus Baik Pulih Badan Kenderaan; Kursus Kimpalan dan Fabrikasi; Kursus Teknologi Info-Komunikasi; Kursus Kulinari dan Bankuet; Kursus Pastri dan Konfeksionari; Kursus Paip Air Domestik; Kursus Penghawa Dingin dan Pendinginan; Kursus Teknologi Rekaan Fesyen; Kursus Terapi Kecantikan dan Kursus AgroBIZ.

Acara kemuncak pada majlis tersebut adalah penyampaian Anugerah Pelatih Cemerlang bagi dua sesi berkenaan. Anugerah berkenaan merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada pelatih yang telah mendapat keputusan cemerlang semasa mengikuti pengajian di PPB di samping menunjukkan usaha-usaha yang membanggakan termasuk status outcome mereka setelah tamat menjalani pengajian. Anugerah Pelatih Cemerlang Sesi Januari 2021 diterima oleh Yang Mulia Xan Mc Carly bin Bandang dari Kursus Baik Pulih Badan Kenderaan, manakala Anugerah Pelatih Cemerlang Sesi Julai 2021 diterima oleh Yang Mulia Dayang Mar'atus Saleha binte Mat Salleh dari Kursus Kulinari dan Bankuet.

## FORUM KEROHANIAN DAN KESIHATAN MENTAL #LAKASTAHSANTAI BAGI DAERAH TEMBURONG SEMPENA MAJLIS ILMU 2024





**DAERAH TEMBURONG, Sabtu, 8 Rabiulakhir 1446 / Oktober 2024 – Ceramah bertajuk '#LakastahSantai' pada Forum Daerah-daerah Majlis Ilmu 2024 bersempena dengan acara Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun, berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Mukim Bangar.**

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ahli-ahli panel jemputan terdiri daripada Pegawai Psikologis, Unit Psikologi Klinikal, Kementerian Kesihatan, Yang Mulia Dayang Nor Shahzuanee binti Haji Azaman; Penolong Professor, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Yang Mulia Dr. Kamarussalam bin Yusof dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Yang Mulia Dayang Hurul Ain Diyana binti Haji Abdul Majid@Vieana.



## MESUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN SUKAN ASEAN KE-15 (SOMS) 14-16 OKTOBER 2024 VINH PHUC, VIETNAM



**VINH PHUC, VIETNAM, Sabtu, 15 Rabiulakhir 1446 / 19 Oktober 2024** – Mesuarat Pegawai-Pegawai Kanan Sukan ASEAN ke-15 telah berlangsung selama tiga hari bermula 14 hingga 16 Oktober 2024 bertempat di Vinh Phuc, Vietnam. Mesuarat berkenaan telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Hoang Dao Cuong, Timbalan Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Vietnam dan dipengerusikan oleh Dr. Dang Ha Viet Ketua Pengarah Autoriti Sukan Vietnam.

Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan Bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Haji Mohamad Rosfazilah Bin Haji Yusly, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan.

Mesuarat kali ini telah menumpukan kepada pengukuhan kerjasama serantau dalam bidang sukan dan menyelaraskan inisiatif-inisiatif strategik untuk memperkasa pembangunan sukan di seluruh rantau ASEAN. Antara fokus utama perbincangan adalah menumpukan kepada strategik ke arah meningkatkan tahap kecergasan dan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat ASEAN dengan menghubungkan masyarakat serantau melalui sukan bagi memupuk perpaduan.

## REFRESHER'S COURSE BAGI PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN LIGA SUPER TAKRAW TAIB 2024



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Rabiulakhir 1446 / 19 Oktober 2024 –**  
Seramai 22 peserta telah mengikuti Refresher's Course bagi Pegawai Teknikal yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Haji Mohamad Rostazilah bin Haji Yusly, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.

Liga Super Sepak Takraw TAIB 2024 merupakan anjuran kali kedua Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) selaku penaja utama liga.

# MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA



**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Rabiulakhir 1446 / 21 Oktober 2024** – Seramai 19 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran, angin kencang, rumah tidak selamat dan rumah roboh telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023



**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Rabiulakhir 1446 / 21**

**Oktober 2024 –** Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan daripada Persatuan Jururawat, Negara Brunei Darussalam (PENJURU) bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023. Majlis berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Datin Paduka Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah, Yang Di-Pertua, Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU), yang berjumlah Dua Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Empat Ringgit (BND 22,884.00).

Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada seluruh pegawai dan kakitangan hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan di seluruh daerah melalui kempen kutipan derma yang dijalankan oleh ahli-ahli PENJURU.

• • • • • • • • • • • • • • • • • • •

## KUNJUNGAN MUHIBAH NAIB PRESIDEN REPUBLIK RAKYAT CHINA, TUAN YANG TERUTAMA HAN ZHENG KE PUSAT SEJARAH BRUNEI



**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Rabiulakhir 1446 / 22 Oktober 2024 –** Pusat Sejarah Brunei telah menerima lawatan kunjungan muhibah daripada Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng berserta rombongan.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dialu-alukan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah, Pemangku Pengetua Pusat Sejarah Brunei berserta Pegawai dan Kakitangan Pusat Sejarah Brunei.

Tuan Yang Terutama memulakan lawatan dengan mengunjungi galeri-galeri pameran Pusat Sejarah Brunei: Galeri Koleksi Manuskrip Borneo; Galeri Sejarah Brunei Tua; Galeri Hubungan Awal Brunei Dengan Negara Luar dan Galeri Perlembagaan; Pameran Tiga Dekad Negaraku Brunei Darussalam.

## KUNJUNGAN MUHIBAH NAIB PRESIDEN REPUBLIK RAKYAT CHINA, TUAN YANG TERUTAMA HAN ZHENG KE MUZIUM ALAT KEBESARAN



**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Rabiulakhir 1446 / 22 Oktober 2024 –** Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng berserta rombongan telah mengadakan lawatan kunjungan muhibah ke Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dialu-alukan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berserta Pegawai dan Kakitangan Jabatan Muzium-Muzium.

Tuan Yang Terutama berserta rombongan diberikan penerangan pengenalan Bangunan Muzium Alat Kebesaran Diraja dan kemudian meninjau lebih dekat lagi ke galeri-galeri.



## LAWATAN DARIPADA PASANGAN / ISTERI / SUAMI PARA MENTERI ASEAN KE MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA



### BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Rabiulakhir 1446 / 25 Oktober 2024

– Pasangan / isteri / suami para Menteri ASEAN yang menghadiri 12th ASEAN Ministerial Meeting on Disaster Management (AMMDM) berkesempatan untuk mengunjungi Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Yang Mulia Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad, Timbalan Pengarah Muzium selaku Pengurus muzium tersebut berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium-Muzium.

## KEJOHANAN FUTSAL ANTARA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-31, TAHUN 2024



BERAKAS, Sabtu, 22 Rabiulakhir 1446 / 26 Oktober 2024 – Peringkat akhir bagi Kategori Veteran dan Kategori Terbuka dalam Kejohanan Futsal Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31, Tahun 2024 telah diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.




Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga ikut serta di dalam Kejohanan Futsal antara Kementerian-Kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) ke-31, Tahun 2024. Kementerian ini telah menghantar dua pasukan untuk menyertai dalam kedua-kedua Kategori iaitu Kategori Veteran dan Kategori Terbuka.



Pasukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi Kategori Veteran telah mendapat tempat ketiga dengan membawa pulang piala iringan, medal serta wang tunai BND200.

## MESYUARAT KE-11 MENTERI-MENTERI ASEAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN (AMCA) SERTA MESYUARAT AMCA BERSAMA RAKAN-RAKAN DIALOG



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Rabiulakhir 1446 / 26 Oktober 2024 –** Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia, dan Sukan Negara Brunei Darussalam, telah menghadiri Mesyuarat Ke-11 Menteri-Menteri ASEAN yang bertanggungjawab mengenai Kebudayaan dan Kesenian (AMCA) serta Mesyuarat AMCA Bersama Rakan-Rakan Dialog, termasuk ASEAN Campur Tiga, China, Jepun dan Republik Korea yang telah diadakan di Melaka, Malaysia pada 23 hingga 26 Oktober 2024.

Mesyuarat yang bertemakan “Merapatkan Budaya, Membina Masa Depan: Kesatuan Dalam Kepelbagaian” ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato’ Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Mesyuarat juga turut dihadiri oleh Menteri-Menteri AMCA negara-negara ahli ASEAN dan wakil, serta Setiausaha Agung ASEAN. Timor-Leste juga hadir sebagai pemerhati.

Yang Berhormat Dato juga menghadiri Sesi Interface AMCA Campur Tiga bersama peserta Forum Belia dan Warisan ASEAN. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh dua belia, iaitu Yang Mulia Awang Hilmi Hamizan bin Haji Rosli dan Yang Mulia Dayang Nornaqibah binti Abdul Hamid.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut disertai oleh Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku wakil SOMCA Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei Darussalam.

# PRATONTON PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-48, 2024

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis,  
20 Rabiulakhir 1446 / 24  
Oktober 2024**



Negara Brunei Darussalam pada tahun ini sekali lagi telah dipelawa bagi mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) kali ke-48, yang merupakan Program Pertukaran Belia Antarabangsa dilaksanakan khusus untuk belia rantau ASEAN dan Jepun.

Negara akan menghantar satu kontinjen seramai 15 belia dan seorang Ketua Kontinjen (National Leader) dengan keramaian keseluruhan 168 belia daripada 11 buah negara yang menyertainya.

Satu pratonton Persembahan Kebudayaan Kebangsaan (National Presentation) telah diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang akan dipersembahkan oleh kontinjen negara semasa majlis-majlis resepsi di negara-negara tempat persinggahan dan juga sebagai aktiviti pengenalan negara di atas Kapal Nippon Maru yang akan digunakan sepanjang pelayaran di lautan.

Hadir menyaksikan pratonton tersebut ialah Yang Mulia Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat.

## KEJOHANAN LIGA SUPER SEPAK TAKRAW (LST) TAIB 2024



**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Rabiulakhir 1446 / 27**

**Oktober 2024 –** Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2024 memulakan tirainya hari ini dengan menampilkan pasukan terbaik setelah melalui beberapa siri kejohanan pusingan kelayakan. Perlawanan pembukaan LST kali ini diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Hadir menyaksikan perlawanan pembukaan berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Lumapas; Yang Mulia Datin Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim, Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); berserta pegawai-pegawai kanan dari Perbadanan TAIB dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kejohanan Liga Super Sepak Takraw TAIB 2024 merupakan anjuran Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Perbadanan TAIB selaku penaja utama liga.

## DISCOVER UBD CHALLENGE SEMPENA HARI KELUARGA KEBANGSAAN



**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Rabiulakhir 1446 / 27 Oktober 2024** – Jabatan Pembangunan Masyarakat telah dijemput untuk mengadakan pameran bagi acara Discover UBD Challenge sempena Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2024 pada 27 Oktober 2024 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan).



# WALKATON HARI STROK SEDUNIA 2024

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Rabiulakhir 1446 / 27**

**Oktober 2024** – Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) melalui Pusat Neurologi Strok & Pemulihan Brunei (BNSRC) telah menganjurkan Walkaton Hari Strok Sedunia 2024 pada 27 Oktober 2024, yang mengumpulkan lebih daripada 550 orang untuk meningkatkan kesedaran tentang strok. Acara ini diadakan di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar di Berakas.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia, dan Sukan (KKBS), telah merasmikan acara tersebut sebagai Tetamu Kehormat.

Walkaton Hari Strok Sedunia 2024 mengangkat tema "Be #GreaterThanStroke," yang bertujuan untuk mempersiapkan individu dengan pengetahuan dan alat yang diperlukan untuk pencegahan dan pengurusan strok. Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Haji Mohammad Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pasukan Pengurusan Kanan PJSC, pesakit dan kakitangan PJSC, serta orang awam.



# MAJLIS KHATAM AL-QURAN BAGI PARA PELATIH PROGRAM JATI DIRI KOHORT 7



**DAERAH TEMBURONG Ahad, 23 Rabiulakhir 1446 / 27 Oktober 2024**

– Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN] dengan kolaborasi bersama Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), Jabatan Perdana Menteri dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran khusus bagi para Pelatih Program Jati Diri Kohort 7 bagi sesi tahun 1446H / 2024M yang dilangsungkan di Dewan Kuliah, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Kampong Batu Apoi, Daerah Temburong.

Seramai 39 orang Pelatih (34 orang lelaki / 5 orang perempuan) Program Jati Diri Kohort 7 yang ikut serta majlis ini tidak termasuk seorang Pelatih Lelaki yang bukan beragama Islam.

Hadir sebagai Tetamu Kehormat Majlis adalah Yang Mulia Awang Hassan Baha bin Haji Umar, Pemangku Pegawai Daerah, Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Majlis diikuti dengan Sesi Penyampaian Sijil-Sijil Khatam kepada para Pelatih Program Jati Diri Kohort 7 yang disampaikan oleh Tetamu Kehormat Majlis bagi Pelatih Lelaki dan Pengarah Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), Jabatan Perdana Menteri bagi Pelatih Perempuan.



## KUNJUNGAN HORMAT



### KUNJUNGAN HORMAT

Isnin, 28 Oktober 2024 di Bilik Kunjungan, Bangunan KKBS

[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn) [@kkbs\\_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://facebook.com/KementerianKebudayaanBeliadanSukan)

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Rabiulakhir 1446 / 28 Oktober 2024** – Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi, Duta Besar Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

# JERAYAWARA BRUNEI INSTITUTE OF LEADERSHIP & ISLAMIC FINANCE (BILIF) BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Rabiulakhir 1446 / 30 Oktober 2024** – Jerayawara Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF) bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah diadakan di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.



Jerayawara tersebut telah diisikan dengan pengenalan mengenai BILIF serta peranan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Taklimat yang bertajuk Dealing With Difficult People turut disampaikan semasa jerayawara berkenaan. Taklimat tersebut disampaikan oleh Yang Mulia Dayangku Ayumi Qistina binti Pengiran Mohd Yusof, Programme Development Department (PDD) Officer dan Yang Mulia Dayangku Siti Aniqah Syairah binti Pengiran Ruslan, Client Solutions Department (CSo) Officer.



# MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA DELEGASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-48 2024 (SSEAYP 48)



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Rabiulakhir 1446 / 31 Oktober 2024** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan akan menghantar seramai 15 orang belia dan seorang Ketua Delegasi (National Leader) bagi mewakili Negara Brunei Darussalam untuk menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun ke-48 (SSEAYP 48) selama 38 hari bermula pada 04 November hingga 11 Disember 2024 di Tokyo, Jepun.




Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Delegasi Negara Brunei Darussalam Ke Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun ke-48 (SSEAYP 48) telah diadakan bertempat di Bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir menyempurnakan penyerahan bendera negara tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat.



## PERTEMUAN ANTARA MENTERI KKBS DENGAN MENTERI HAL EH WAL BELIA, KEMENTERIAN HAL EH WAL BELIA BAHRAIN MELALUI SECARA MAYA



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Rabiulakhir 1446 / 31 Oktober 2024** – Pertemuan antara Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Puan Yang Terutama Rawan binti Najib Tawfiqi, Menteri Hal Ehwal Belia, Kementerian Hal Ehwal Belia Bahrain melalui secara maya.

Di pertemuan tersebut, Menteri Hal Ehwal Belia Bahrain menggariskan kepentingan memperkuatkan hubungan persahabatan yang sedia ada di antara Kerajaan Bahrain dan Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai bidang dan kepentingan dalam mengukuhkan hubungan hal ehwal belia di antara kedua-dua negara.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei Darussalam turut menekankan kepentingan untuk mengembangkan kerjasama dan hubungan di antara kedua-dua negara melalui hal ehwal kebeliaan. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan juga turut memberikan sokongan atas usaha Bahrain dalam memperkasa dan mengangkat peranan belia untuk kemajuan sejagat.



**E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT PUJA USIA  
KDYMM PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA  
BINTI AL-MARHUM PENGIRAN PEMANCHA PENGIRAN ANAK HAJI MOHAMED ALAM  
KE-78**



تهنئة

TAHNIAH 3



**Pasukan Veteran  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

mendapat no 3 dalam  
Kejohanan Futsal sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam

**E-POSTER SEMPENA PASUKAN VETERAN KKBS MENDAPAT NO.3  
DALAM KEJOHANAN FUTSAL SEMPENA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM  
2024**



គ្មេងក្រុងបាយ៉ាន, បីលាបានសុកន

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**E-mel:** [Info@kkbs.gov.bn](mailto:Info@kkbs.gov.bn)

**Laman Sesawang:** [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)

**Instagram:** @kkbs\_brunei

**Facebook:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan